

Kita hampiri hab halal global

700 daripada 4,758 syarikat diberi sijil eksport produk ke luar negara



Oleh Shahrizan Salian
shahrizan@bharian.com.my

MALAYSIA berada di landasan terbaik untuk merealisasikan hasrat menjadi hab halal utama global berikutan meningkatnya kesedaran masyarakat antarabangsa terhadap usaha berterusan negara ini dalam membangunkannya, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapha Mohamed.

"Kita semakin hampir (mencapai sasaran itu). Kesedaran masyarakat antarabangsa terhadap produk serta perkhidmatan industri halal Malaysia sudah berada di situ," katanya kepada media selepas merasmikan Minggu Halal Malaysia 2012, di Kuala Lumpur, semalam.

Mustapha berkata, berdasarkan perangkaan terkini, ada 4,758 syarikat menerima persijilan halal di negara ini, dengan 700 daripadanya secara aktif mengeksport produk serta perkhidmatan halal mereka.

"Nilai eksport mereka tahun lalu mencecah RM35 bilion, angka yang tidak termasuk eksport minyak sawit mentah dan mewakili lima peratus daripada eksport keseluruhan negara yang berjumlah RM694 bilion."

"Destinasi eksport utama kita ialah China, Amerika Syarikat (AS), Singapura, Belanda dan Jepun."

"Eksport utama pula terdiri daripada ramuan halal yang bernilai



MUSTAPHA cuba mengoreng cucur segera keluaran Maggi -Nestle pada Minggu Halal Malaysia di Pusat Konvensyen Antarabangsa Kuala Lumpur semalam, sambil diperhatikan Mukhriz.

RM12 bilion, barang makanan dan minuman (RM12 bilion) serta bahan dari sawit (RM7 bilion)," katanya.

Minggu Halal Malaysia 2012 merangkumi tiga acara utama anjuran tiga pertubuhan berlainan.

Pameran Halal Antarabangsa (MIHAS) dianjurkan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), Sidang Puncak Penyelidikan Halal Dunia di anjurkan Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) dan Forum Halal Dunia anjuran Pakatan Integriti Halal (PHI).

Hadir sama, Timbalan Menteri

Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mukhriz Mahathir dan Datuk Jacob Dungau Sagan; Pengerusi MATRADE, Datuk Mah Siew Keong; Pengerusi HDC, Tan Sri Dr Syed Jalaludin Syed Salim dan Ketua Eksekutif KasehDia Sdn Bhd, Jumaatun Azmi.

Mustapha berkata, pengajuran Minggu Halal Malaysia tahun ini dilihat meningkat dari segi mutu produk dan perkhidmatan yang dipamerkan serta bertambahnya jumlah peserta berbanding tahun sebelumnya.

"Sebagai contoh, kita dapat me-

nyaksikan peserta dari negara Islam yang bukan OIC membentuk 62 peratus atau majoriti daripada pemparuh negara asing yang hadir pada MIHAS tahun ini.

"Ini membuktikan Malaysia makin mendapat perhatian di luar negara dan juga laman jangkauan peserta antarabangsa untuk industri halal," katanya.

Sebanyak 382 syarikat menyertai MIHAS 2012 yang mana 40 peratus daripadanya adalah syarikat asing.

Selain itu, MATRADE juga mengajurkan misi belian yang akan adakan antara syarikat tempatan dan asing.